

KETAKSEIMBANGAN AGIHAN INDUSTRI DAN MIGRASI PENDUDUK DI NEGERI KEDAH

oleh
Asan Ali Golam Hassan
Sekolah Ekonomi

Abstrak

Kedah dahulunya ditakrifkan sebagai "Periuk Nasi Malaysia, walau bagaimanapun melalui masa sumbangan sektor pertanian semakin berkurangan dan Kedah kini dalam proses tranformasi ekonomi dari berasaskan pertanian kepada berasaskan perindustrian. Sektor pertanian di negeri ini menyumbang 44% daripada KDNK pada tahun 1988 dan berkurangan kepada 35% pada tahun 1990. Sementara itu antara tahun 1994-95 sektor perindustrian telah tumbuh pada kadar 16% manakala sektor pertanian hanya 2.5% akibat daripada dominasi padi dan getah yang semakin berkurangan. Dalam proses tranformasi ekonomi ini akan berlaku masalah ketidakseimbangan agihan industri antara wilayah. Industri-industri yang berasaskan teknologi moden akan lebih tertumpu di wilayah-wilayah yang telah maju dan wilayah-wilayah yang agak mundur akan terus dipinggirkan. Selain itu, proses tranformasi ekonomi juga akan membawa kepada masalah migrasi penduduk terutamanya penduduk lelaki ke kawasan bandar yang seterusnya akan meningkatkan nisbah tanggungan penduduk di kawasan luar bandar. Dengan menggunakan Koefisien Penempatan, penyelidik akan menyenaraikan ketidakseimbangan pengkhususan penempatan industri mengikut wilayah dan pengkhususan penempatan wilayah mengikut industri di negeri Kedah.

Abstract

Historically known as a 'rice bowl' of Malaysia, the state of Kedah has shifted its focus on a more remunerating sector which is industrial-base sector. Although, agriculture remains as a major contributor to GDP of the state, its percentage is declining over the year. Agriculture sector in this country contributes 44% of GDP in 1988 and declines to 35% in 1990. Meanwhile, between the years 1994-95 the industrial sector growth rate is 16%, however the agriculture sector growth is only 2.5% primarily resulting from the decrement in the domination of paddy and rubber. In this transformation process, we will face the problem of industrial distribution inequality between regions. Industries with a modern technology based will be more concentrated in the developed regions while the less developed regions will continue to be left behind. In addition, this transformation process will also bring the migration problem especially by the male population and this will increase the population dependency ratio in the rural area. By using the "Location Quotient" the researcher will list the imbalance diffusion in the industrial specialization location by regions and regional specialization location by industry in Kedah.

1. PENDAHULUAN

Kedah pada asalnya merupakan sebuah negara pertanian, sektor ini menyumbangkan 44% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun 1988 dan berkurangan kepada 35% pada tahun 1990. Sektor pertanian juga menyumbang 47% dari gunatenaga di negeri Kedah pada tahun 1990 (SEPU Vol.1,1994:7).

Sektor perindustrian secara khusus telah mula bertapak di negeri ini pada tahun 1975, apabila Skim Insentif Kawasan (Location Incentive Scheme) telah dilancarkan dengan memberi pelepasan cukai bagi industri yang diusahakan di kawasan yang ditetapkan. Salah satu matlamat skim ini ialah untuk mengatasi ketidakseimbangan agihan industri antara kawasan bandar dengan luar bandar.

Seterusnya, melalui masa sektor perindustrian di negeri Kedah terus berkembang. Sehingga tahun 1992, terdapat 15 kawasan perindustrian (Industrial Estates) di negeri ini yang merangkumi kawasan seluas 758,4 hektar. Angka ini merupakan 5.7% dari keseluruhan kawasan perindustrian di Malaysia (SEPU Vol.2,1994:79).

Pada Disember 1992, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah telah membangunkan 7 kawasan perindustrian (Mergong II, Mergong Barrage, Bakar Arang, Tikam Batu, Sungai Petani, Kulim dan Darulaman) yang merangkumi kawasan seluas 849.5 hektar. Di peringkat wilayah (Kedah Regional Development Activity), 7 kawasan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Binjal, Naka, Baling, Sik, Sungai Tiang, Jeniang dan Langkawi telah dikenal pasti untuk dimajukan (SEPU Vol.2, 1994:79-80).

Keluaran Dalam Negara Kasar sumbangan sektor perindustrian dijangka akan terus meningkat dari RM702.4 juta pada tahun 1990 kepada RM2,976.7 juta (meningkat 76.4%) pada tahun 2000. Sebaliknya sektor pertanian (termasuk perikanan dan perhutanan) dijangka hanya meningkat dari RM1,331.0 juta kepada RM1,845.9 juta (meningkat 27.9%) dalam tempoh yang sama (Malaysia,1991:134).

Kadar pertumbuhan sektor perindustrian dijangka 12% setahun, antara tahun 1994-1995 sektor ini telah tumbuh pada kadar 16.3%. Sektor pertanian pula dijangka akan berkembang pada kadar 2.5% setahun akibat daripada dominasi padi dan getah yang semakin berkurangan. Seterusnya kadar pertumbuhan sektor perkhidmatan pada keseluruhannya ialah 9.4% setahun (Hashim,1996:2).

2. ISU DAN PERNYATAAN MASALAH

Dalam proses tranformasi ekonomi dari berasaskan pertanian kepada berasaskan perindustrian akan wujudnya sektor yang maju (sektor perindustrian) dan sektor tradisional (sektor pertanian) dalam ekonomi negeri Kedah, keadaan ini sedikit sebanyak akan memperlihatkan masalah ketidakseimbangan wilayah.

Ketakeimbangan juga boleh dirujuk dari kumpulan industri mengikut wilayah. Kebanyakan industri-industri yang besar dan berasaskan teknologi moden lebih tertumpu di wilayah-wilayah yang agak maju dibandingkan dengan industri-industri kecil (termasuk IKS). Ketakeimbangan ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi pendapatan wilayah dan pendapatan populasi di wilayah tersebut.

Arah aliran modal yang hanya tertumpu ke wilayah-wilayah yang maju, telah memburukkan ketakeimbangan pertumbuhan ekonomi antara negeri (termasuk antara wilayah). Para pelabur lebih berminat menempatkan kegiatan mereka di bandar-bandar besar walaupun galakan-galakan penempatan dan estet-estet telah diwujudkan di kawasan yang kurang maju. Di peringkat awal proses perindustrian, masalah ketakeimbangan pembangunan wilayah tidak dapat dielakkan, tanpa campurtangan kerajaan pelabur akan terus memulih bandar-bandar besar untuk menempatkan kegiatan perkilangan mereka (Anuar Ali,1983:3).

Selain itu, proses membuat keputusan oleh para pelabur tidak semestinya dapat menjamin penempatan industri di kawasan yang kurang maju (Fu Chen Lo & Kamal Salih, 1978:243-269) dan galakan-galakan kepada syarikat-syarikat besar secara berlebihan akan menyebabkan agihan sektor perindustrian yang tidak seimbang antara wilayah (Osman Rani,1983:97-107).

Pemusatan industri-industri di wilayah-wilayah yang telah maju juga ada kaitannya dengan tahap pelajaran dan pengalaman buruh, rata-rata tahap ini lebih tinggi di wilayah yang telah maju di bandingkan dengan wilayah yang mundur (Meeram, 1979:108-109).

Selain itu, wujud satu hubungan yang songsang antara tingkat pelajaran dan kadar kemiskinan, semakin tinggi tingkat pelajaran penduduk di sesuatu kawasan semakin rendah kadar kemiskinan di kawasan tersebut (Mohd.Yusof,1990:9). Pekerja-pekerja yang berpendidikan dan berpengalaman akan berpindah ke wilayah yang telah maju dan yang tinggal di wilayah yang kurang maju kebanyakannya pekerja yang tidak mempunyai kemahiran industri (Pryor, 1979:113).

Dengan menggunakan konsep "Pengkhurusan Penempatan", Anuar Ali (1983:6-7) mendapati industri-industri ini seperti memproses makanan, minuman, perabut, kertas dan keluaran kertas, getah dan keluaran getah dan keluaran bukan logam. Menurut beliau, industri-industri yang tidak memerlukan teknologi tinggi mudah untuk tersebar di kawasan kurang maju yang pada keseluruhannya daya pengeluaran buruh yang rendah dan tingkat upah yang juga rendah.

Di Semenanjung Malaysia, proses perbandaran merupakan satu proses mengutub, penumpuan penduduk dan prestasi ekonomi yang cergas hanya di beberapa bandar sahaja kerana kekurangan modal dan buruh mahir tidak berupaya diagihkan kepada bilangan bandar yang banyak (Anuar Ali,1983:15). Masalah penumpuan penduduk di kawasan bandar juga akan membawa

kepada kemiskinan terutamanya jika majoriti penduduknya adalah bumiputera (Mohd. Yusof, 1990:5).

3. KAEDAH DAN PROSEDUR

Jenis pekerjaan disenaraikan mengikut "Dictionary of Occupational Classification, 1980", terbitan Kementerian Sumber Manusia dan jenis industri pula mengikut "Buku Penjenisan Perusahaan Malaysia, 1972", terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia yang berasaskan kepada "International Standard of Industrial Classification (ISIC) of All Economic Activities terbitan United Nations.

Konsep Koefisien penempatan (location quotient) akan digunakan untuk melihat pengkhususan relatif wilayah dalam sesuatu industri tertentu. Secara am koefisien penempatan (K_{Pi}) merupakan nisbah tenaga buruh wilayah dengan nisbah tenaga buruh negeri dalam industri tertentu atau wilayah tertentu (Anuar Ali, 1983:29; Bendavid, 1974:94).

$$K_{Pi} = \frac{P_{ij}/P_i}{L_j/L} \quad \text{atau} \quad \frac{P_{ij}/L_j}{P_i/L}$$

dimana;

K_{Pi} = Koefisien Penempatan

P_{ij} = bilangan pekerja dalam industri i dalam wilayah j

P_i = jumlah pekerja negeri dalam industri i

L_j = jumlah pekerja semua industri di wilayah j

L = jumlah pekerja negeri dalam semua industri

jika;

K_{Pi} > 1 : Nisbah gunatenaga peringkat wilayah lebih besar dari nisbah gunatenaga peringkat negeri dalam industri tertentu. Penyerapan gunatenaga peringkat wilayah lebih besar dari peringkat negeri. Wilayah lebih mengkhusus dalam industri tersebut berbanding negeri.

K_{Pi} < 1 : Nisbah gunatenaga peringkat wilayah lebih kecil dari nisbah gunatenaga peringkat negeri dalam industri tertentu. Penyerapan gunatenaga peringkat wilayah lebih kecil dari peringkat negeri. Wilayah kurang mengkhusus dalam industri tersebut berbanding negeri.

4. ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN

Analisa taburan penyertaan tenaga buruh (15-64 tahun) mengikut jenis pekerjaan di setiap wilayah, menunjukkan sebahagian besar tenaga buruh terlibat samada sebagai pekerja pertanian, ternakan, perhutanan, nelayan dan pemburu atau sebagai pekerja pengeluaran, operator alat pengangkutan dan buruh. Hanya 8.4% sahaja tenaga buruh yang terlibat sebagai pekerja profesional, teknikal dan yang berkaitan dengannya (Jadual 1).

Tenaga buruh yang terlibat sebagai pekerja pertanian, ternakan, nelayan, perhutanan dan pemburu mencatatkan jumlah tertinggi di wilayah Padang Terap, Sik, Pendang, Baling, Yan dan Bandar Baharu. Sementara itu, tenaga buruh yang terlibat sebagai pekerja pengeluaran, operator alat pengangkutan dan buruh paling ramai di wilayah Kulim, Kuala Muda, Langkawi dan Kota Setar.

Dari segi taburan industri bagi penduduk bekerja (15-64 tahun) antara wilayah, sebahagian besar penduduk terlibat dalam industri (bidang) pertanian, perhutanan, pemburuan dan perikanan (33.34%). Industri ini merupakan industri terbesar yang menawarkan tenaga kerja di wilayah Padang Terap, Sik, Pendang, Baling, Yan, Kubang Pasu dan Bandar Baharu. Industri pembuatan pula, menawarkan tenaga kerja yang terbesar di wilayah Kuala Muda dan Kulim (Jadual 2).

Taburan pekerja industri mengikut jantina pula menunjukkan, pekerja lelaki merupakan pekerja yang teramai disemua industri kecuali dalam industri pembuatan. Pekerja lelaki di kawasan bandar mencatatkan jumlah yang terbesar dalam industri elektrik, gas dan air (56.8%), perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan (47.2%) dan perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (37.5%).

Pekerja lelaki di luar bandar pula, mencatatkan jumlah yang terbesar dalam industri pertanian, perhutanan, perburuan dan perikanan (67.4%), perlombongan dan kuari (70%), pembinaan (55.3%), perdagangan borong, dan runcit dan hotel dan restoran (37%) dan pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (57.7%). Sementara itu, pekerja perempuan di luar bandar merupakan mereka yang paling ramai dalam industri pembuatan (30.3%) (Jadual 3).

Jadual 1 : Taburan Tenaga Buruh Bagi Penduduk Berumur 15-64 tahun (peratus), 1991

Jadual 1: Taburan Tenaga Buruh Bagi Penduduk Berumur 15-64 tahun (peratus), 1991

	Baling	Bandar Baharu	Kota Setar	Kuala Muda	Kubang Pasu	Mulim	L'kawi	Padang Terap	Sik	Yan	Pendang	Jumlah
Pekerja profesional, teknikal dan yang berkaitan	6.4	5.9	11.4	8.3	8.7	10.2	7.4	5.5	5.6	7.1	5.6	8.4
Pekerja pentadbiran dan penyusunan	8.3	10.4	1.8	1.3	10.8	10.9	1.2	10.3	10.3	10.6	10.4	11.2
Pekerja perkeranian dan yang berkaitan	3.0	3.4	10.9	6.7	5.2	5.8	6.8	3.2	2.0	4.0	2.6	5.4
Pekerja Jualan	7.8	6.6	14.1	10.7	9.0	7.3	10.5	5.7	6.3	9.7	7.3	10.5
Pekerja perkhidmatan	5.6	6.3	11.3	11.3	10.1	8.6	15.0	6.0	7.3	6.6	4.4	9.4
Pekerja Pertanian, ternakan dan perhutanan, nelayan dan pemburu	52.0	42.1	22.7	20.4	44.3	22.1	25.7	17.1	13.6	46.7	11.3	34.3
Pekerja pengeluaran dan yang berkaitan, operator alat pengangkutan dan buruh	23.6	33.6	36.3	42.1	20.6	46.9	32.0	11.6	14.1	25.0	18.1	30.1
Pekerja yang tidak jelas/ tidak dinyatakan	1.2	1.7	1.4	1.1	0.5	0.3	0.4	1.8	0.7	0.2	0.2	0.9

Sumber: Laporan Penduduk Negeri Kedah, 1995, ms.9 Jadual 1.2 (selepas diubahsuai)

Jadual 2 : Taburan Industri Bagi Penduduk Bekerja Mengikut Wilayah,
(peratus) 1991

	Baling	Bandar Baharu	Kota Setar	Kuala Nuaa	Kubang Pasu	Kulim	L'kawi	Padang Terap	Sik	Yan	Pandang	JUMLAH
pertanian, perhutanan, perburuan & perikanan	51.5	40.3	21.5	20.0	43.7	21.8	22.9	63.6	62.3	46.4	61.1	33.42
perlombongan & kuari	0.1	0.1	0.1	0.2	0.2	0.2	0.4	0.1	0.2	0.0	0.2	0.15
pembuatan	15.2	23.9	10.9	31.7	7.9	13.4	9.7	2.7	7.4	12.8	7.7	18.67
elektrik, gas & air	0.3	0.2	0.6	0.5	0.5	0.5	0.5	0.1	0.2	0.3	0.2	0.44
pembinaan	3.7	5.4	7.4	5.9	5.5	5.7	13.3	2.7	3.1	5.0	4.9	4.9
perdagangan borong & runcit dan restoran & hotel	10.1	8.9	19.3	12.3	13.1	10.5	12.9	7.1	8.5	14.2	9.7	13.49
pengangkutan, penyimpanan & perhubungan	2.2	3.4	4.0	3.8	3.4	3.6	6.8	1.5	1.7	4.7	2.9	3.57
perkhidmatan kewangan, insurans, hartanah & perniagaan	0.4	0.4	3.2	1.4	0.9	1.0	1.0	0.6	0.3	0.7	0.4	1.43
perkhidmatan masyarakat, sosial & persendirian	14.0	14.3	29.0	21.3	23.5	17.4	19.6	12.9	15.2	15.4	12.4	20.77
perindustrian yang tidak jelas/tidak dinyatakan	2.5	3.0	4.0	2.4	1.3	0.7	1.0	1.6	1.0	0.6	0.6	2.16

Sumber : Laporan Penduduk Negeri Kedah, 1995, ms.9, Jadual 1.2
(selepas diubahsuai)

Jadual 3: Taburan Industri Bagi Penduduk Bekerja (15-64 tahun) mengikut Strata dan Jantina, 1991

	Bandar			Luar Bandar			JUMLAH		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
pertanian, perhutanan, perburuan & perikanan	6,045	1,005	7,130	91,152	36,877	128,029	97,137	37,962	135,159
perlombongan & kuari	131	15	146	437	41	478	563	56	624
pembuatan	16,541	16,037	32,638	20,004	22,863	42,867	36,545	39,950	75,495
elektrik, gas & air	1,019	102	1,121	643	31	674	1,662	133	1,795
pembinaan	9,892	531	10,423	13,209	229	13,438	23,121	760	23,881
perdagangan borong & runcit dan restoran & hotel	10,610	7,727	26,337	20,172	8,041	28,213	38,702	15,763	54,550
pengangkutan, penyimpanan & perhubungan	5,460	399	5,859	8,333	241	8,574	13,793	640	14,433
perkhidmatan kewangan, insurans, hartanah & perniagaan	2,739	1,533	4,272	1,149	381	1,530	3,838	1,914	5,802
perkhidmatan masyarakat, sosial & persendirian	31,435	15,374	46,859	26,330	10,756	37,136	57,855	26,130	83,995
perindustrian yang tidak jelas/tidak dinyatakan	2,931	1,707	4,638	2,579	1,415	4,094	5,610	3,122	8,732
JUMLAH	94,853	44,560	139,413	194,150	80,075	265,003	279,011	125,435	404,446

Sumber : Laporan Penduduk Negeri Kedah, 1995, ms.534-544, Jadual 6.5.
(Selepas diubahsuai)

Jadual 4: Koefisien Penempatan (KPi) Antara Wilayah, 1991

Jaburan Industri penduduk bekerja berumur 15-64 th.		Baling	Bandar Baharu	Kota Setar	Kuala Muda	Kubang Pasu	Xulim	L'kawi	Padang Terap	Sik	Yan	Pendang	JUMLAH PERATUS
pertanian, perhutanan, perburuan & perikanan	Jum	18610	4228	20346	17532	18981	10276	3344	9880	12456	6887	14659	135159 (33.42)
	KPi	1.54	1.21	0.64	0.59	1.31	0.65	0.71	1.98	1.86	1.39	1.33	
perlombongan & kuari	Jum	43	18	89	152	94	78	59	22	23	7	41	624 (0.2)
	KPi	0.77	0.62	0.61	1.13	1.41	1.07	2.72	0.92	1.03	0.31	1.11	
pembuatan	Jum	5515	2507	10356	27752	3414	18181	1362	1508	1248	1993	1839	75495 (18.57)
	KPi	0.82	1.28	0.59	1.69	0.42	2.06	0.52	0.52	0.39	0.68	0.41	
elektrik, gas & air	Jum	126	26	546	436	291	234	79	23	35	49	48	1795 (0.44)
	KPi	0.79	0.56	1.30	1.12	1.05	1.12	1.27	0.33	0.47	0.75	0.39	
pembinaan	Jum	1322	564	7033	5157	2394	2664	1866	413	526	735	1137	23361 (5.9)
	KPi	0.62	0.91	1.26	0.18	0.94	0.96	2.26	0.45	0.53	0.84	0.84	
perdagangan borong & runcit dan restoran & hotel	Jum	3662	937	19253	12758	5660	4968	3337	1110	1434	2182	2339	54558 (13.49)
	KPi	0.75	0.66	1.43	0.91	0.97	0.78	1.77	0.53	0.63	1.05	0.72	
pengangkutan, penyimpanan & perhubungan	Jum	785	356	3819	3336	1453	1813	933	239	294	698	637	14433 (3.57)
	KPi	0.61	0.95	1.13	1.07	0.94	1.08	1.31	0.43	0.49	1.32	0.38	
perkhidmatan kewangan, insurans, hartanah & perniagaan	Jum	144	45	2937	1242	408	478	136	92	57	182	181	5882 (1.43)
	KPi	0.23	0.30	2.21	0.99	0.66	0.71	0.68	0.41	0.24	0.48	0.29	
perkhidmatan masyarakat, sosial & persendirian	Jum	5060	1503	27439	19093	10156	8189	2742	1998	2562	2283	2978	83993 (20.77)
	KPi	0.67	0.69	1.40	1.05	1.13	0.94	0.94	0.62	0.73	0.74	0.68	
perindustrian yang tidak jelas/tidak dinyatakan	Jum	920	317	3792	2860	547	317	139	247	176	91	146	8732 (2.15)
	KPi	1.13	1.48	1.86	1.09	0.59	0.31	0.46	0.74	0.48	.28	0.23	
JUMLAH PERATUS		36165 (8.94)	10493 (2.59)	94670 (23.41)	87513 (21.64)	43228 (10.68)	47110 (11.65)	14817 (3.47)	15532 (3.84)	16856 (4.17)	14847 (3.67)	24089 (5.94)	404446 (100)

Jum = Jumlah

Ringkasan analisa;
 Pengkhususan penempatan mengikut wilayah

Wilayah -----	Industri -----
Baling	- Pertanian, perhutanan, perburuan dan perikanan (1.54)
Bandar Baharu	- Pertanian, perhutanan, perburuan dan perikanan (1.21)
Kota Setar	- Perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan (2.21) - Perdagangan borong & runcit dan restoran & hotel (1.43) - masyarakat, sosial dan persendirian (1.40) - Elektrik, gas dan air (1.30) - Pembinaan (1.26) - Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (1.13)
Kuala Muda	- Pembuatan (1.69) - Perlombongan dan kuari (1.13) - Elektrik, gas dan air (1.12) - Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (1.07) - Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (1.05)
Kubang Pasu	- Perlombongan dan kuari (1.41) - Pertanian, perhutanan, perburuan dan perikanan (1.31) - Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian (1.13) - Elektrik, gas dan air (1.05)
Kulim	- Pembuatan (2.06) - Elektrik, gas dan air (1.12) - Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (1.08) - Perlombongan dan kuari (1.07)
Langkawi	- Perlombongan dan kuari (2.72) - Pembinaan (2.26) - Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (1.91) - Elektrik, gas dan air (1.27) - Perdagangan borong & runcit dan hotel & restoran (1.77)
Padang Terap	- Pertanian, perhutanan, perburuan dan perikanan (1.90)
Sik	- Pertanian, perhutanan, perburuan dan perikanan (1.86) - Perlombongan dan kuari (1.08)
Yan	- Pertanian, perhutanan, perburuan dan perikanan (1.39)
Pendang	- Pertanian, perhutanan, perburuan dan perikanan (1.83) - Perlombongan dan kuari (1.11)

Ringkasan analisa;
Pengkhususan penempatan mengikut Industri

Industri	Wilayah
Pertanian, perhutanan, perburuan dan perikanan	- Padang Terap (1.90)
	- Sik (1.86)
	- Pendang (1.88)
	- Baling (1.54)
	- Yan (1.39)
	- Kubang Pasu (1.31)
Perlombongan dan kuari	- Bandar Baharu (1.21)
	- Langkawi (2.72)
	- Kubang Pasu (1.41)
	- Kuala Muda (1.13)
	- Pendang (1.11)
	- Sik (1.08)
Pembuatan	- Kulim (1.07)
	- Kulim (2.06)
	- Kuala Muda (1.69)
Eletrik, gas dan air	- Bandar Baharu (1.28)
	- Kota Setar (1.30)
	- Langkawi (1.27)
	- Kulim (1.12)
Pembinaan	- Kubang Pasu (1.05)
	- Langkawi (2.26)
	- Kota Setar (1.26)
Perdagangan borong & runcit dan restoran & hotel	- Langkawi (1.77)
	- Kota Setar (1.43)
	- Yan (1.05)
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	- Langkawi (1.91)
	- Yan (1.32)
	- Kota Setar (1.13)
	- Kulim (1.08)
	- Kuala Muda (1.07)
Perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah & perniagaan	- Kota Setar (2.21)
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian	- Kota Setar (1.40)
	- Kubang Pasu (1.13)
	- Kuala Muda (1.05)

Dari segi migrasi penduduk, wilayah Kulim mencatatkan migrasi masuk antara negeri yang tertinggi (14%) dan yang terendah di wilayah Pendang (1.8%). Manakala migrasi keluar antara negeri yang paling tinggi dicatatkan di wilayah Bandar Baru (8.1%) dan paling rendah di wilayah Padang Terap (3.1%).

Secara keseluruhan migrasi bersih (migrasi masuk tolak migrasi keluar) antara negeri yang tertinggi berlaku di wilayah Kulim (7.8%) dan terendah di wilayah Bandar Baharu (-3.4%). Dari segi migrasi masuk antara wilayah pula, wilayah Kuala Muda (7.1%) mencatatkan jumlah tertinggi manakala terendah di wilayah Bandar Baharu (2.2%).

Langkawi (3.8%) mencatatkan jumlah tertinggi kerana ia ada hubungan dengan migrasi masuk antara negeri (7.6%), migrasi masuk antara wilayah (5.1%) dan migrasi masuk dari negara lain (1.4) yang tinggi.

Faktor migrasi keluar seterusnya akan mempengaruhi kadar penyertaan tenaga buruh (penduduk yang berumur 15-64 tahun) dan kadar tanggungan di sesebuah wilayah. Daerah Kulim mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh yang tertinggi (60.2%) sebaliknya terendah di wilayah Sik (52.9%). Kadar penyertaan tenaga kerja yang tinggi di Kulim mengecilkan nisbah tanggungan umur muda (59.2), nisbah tanggungan umur tua (6.8%) dan nisbah tanggungan keseluruhan (66%) berbanding dengan Sik, nisbah tanggungan umur muda (80.6%), nisbah tanggungan umur tua (8.3%) dan nisbah tanggungan keseluruhan (88.9%) yang besar (Jadual 5).

Jadual 5: Taburan Nisbah Tanggungan Mengikut Wilayah, 1991

Wilayah	Penduduk berumur kurang 14 th.	Penduduk berumur 15-64 th.	Penduduk berumur lebih 65 th.	Jumlah Penduduk	Nisbah Tanggungan Umur Muda	Nisbah Tanggungan Umur Tua	Keseluruhan Nisbah Tanggungan
Baling	47,212 (41.2)	67,273 (54.1)	5,337 (4.7)	114,485	67.2	7.9	78.1
Bandar Baharu	12,558 (38.1)	13,523 (59.1)	1,920 (5.8)	33,006	67.3	13.4	78.1
Kota Setar	116,350 (36.1)	191,260 (57.3)	14,916 (4.6)	322,354	68.9	7.8	68.7
Kuala Muda	93,276 (36.7)	152,826 (59.3)	10,390 (4.0)	254,372	61.8	6.8	63.7
Kubang Pasu	59,273 (38.9)	91,959 (58.2)	7,731 (4.9)	157,963	63.4	8.4	71.8
Kulim	45,780 (35.7)	77,308 (59.2)	5,248 (4.1)	128,356	59.2	6.8	66.0
Langkawi	15,613 (36.4)	25,531 (59.6)	1,744 (4.1)	43,938	61.0	6.8	67.9
Padang Terap	21,303 (42.0)	27,325 (53.9)	2,093 (4.1)	50,736	78.0	7.7	85.6
Sik	23,245 (42.7)	29,837 (52.9)	2,384 (4.4)	54,466	80.6	8.3	88.9
Yan	22,726 (37.5)	34,169 (56.5)	3,689 (5.8)	60,493	66.5	10.6	77.0
Pandang	31,979 (38.3)	41,725 (56.2)	4,489 (5.4)	82,092	68.2	9.6	77.8
KEDAH	438,139 (37.3)	759,570 (58.2)	59,823 (4.5)	1,302,241	64.3	7.9	72.1

() peratus

Sumber: Laporan Penduduk Negeri Kedah, 1995, Ms.14, Jadual 1.5
(Selepas diubahsuai)

Pada hakikatnya jumlah penduduk perempuan lebih ramai dari jumlah penduduk lelaki, pada nisbah lelaki perempuan 1:1.03. Keadaan ini berlaku di kesemua wilayah kecuali di Langkawi. Nisbah ini paling tinggi di wilayah Yan 1:1.09 dan terendah di wilayah Langkawi 1:0.92. Ketakseimbangan agihan jantina mengikut wilayah ini disebabkan oleh faktor migrasi terutamanya migrasi keluar antara negeri oleh kaum lelaki, yang sebahagian besarnya ke Pulau Pinang.


Faktor migrasi masuk penduduk ke kawasan bandar menyebabkan peratus penduduk yang berumur kurang dari 14 dan lebih dari 65 tahun lebih besar di kawasan luar bandar. Manakala peratus penduduk yang berumur antara 15-64 tahun lebih besar di kawasan bandar dibandingkan dengan kawasan luar bandar.

Faktor migrasi keluar penduduk antara negeri terutamanya oleh kaum lelaki, menyebabkan peratus penduduk lelaki pada tingkat umur 15-64 tahun lebih rendah dibandingkan dengan penduduk perempuan. Hanya diperingkat umur kurang dari 15 tahun, peratus penduduk lelaki lebih besar dari penduduk perempuan.

Ketaksamarataan agihan penduduk berdasarkan jantina di kawasan bandar sangat ketara pada tingkat umur antara 25 hingga 35 tahun, manakala di kawasan luar bandar pula pada tingkat umur antara 30 hingga 40 tahun.

Pada tingkat umur kurang dari 18 tahun, penduduk lelaki lebih ramai dari penduduk perempuan di kawasan bandar dan di luar bandar. Selepas umur 17-18 tahun rata telah tamat pengajian sekolah menengah, penduduk lelaki mula berpindah keluar. Ketakseimbangan agihan jantina di kawasan luar bandar akan berkurangan pada tingkat umur lebih dari 50 tahun. Pada tingkat umur ini mereka yang telah bersara dijangka pulang ke kampung halaman masing-masing (Rajah 1).

Rajah 1:
Taburan Penduduk Lelaki (L) dan Perempuan (P)
Berdasarkan Sela Umur



Sumber: Laporan Penduduk Negeri Kedah, 1995, ms.14
Jajual 1.5 (selepas diubahsuai)

5. RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Pertumbuhan ekonomi di negeri Kedah secara amnya berpusat di sekitar wilayah Kota Setar (Alor Setar), Kuala Muda (Sungai Petani) dan baru-baru ini di Langkawi (Kuah). Di wilayah ini kegiatan ekonomi telah dipelbagaikan dan secara relatif peranan industri pertanian telah berkurangan. Proses perbandaran yang agak mengutub ini menyebabkan hampir 67% penduduk bandar hanya tertumpu di Alor Setar dan Sungai Petani sahaja.

Kegagalan dasar penyebaran industri dan perubahan strategi pembangunan wilayah daripada strategi "kekayaan tempat" kepada strategi "kekayaan manusia" telah menyebabkan pembangunan lebih tertumpu di wilayah-wilayah tersebut (Mohd Yusof,1990:4).

Keadaan sebegini bukan sahaja akan meningkatkan jurang pendapatan antara kawasan bandar dan luar bandar malah ini juga akan meningkatkan masalah kemiskinan di kawasan bandar. Bilangan ketua isi rumah (KIR) termiskin teramai (18%) menetap di wilayah Kota Setar terutamanya di mukim Jabi. Keadaan ini ada kaitannya dengan tingkat pelajaran/kemahiran yang asas, umur yang telah lanjut, saiz keluarga yang besar, peluang perkerjaan yang tidak mencukupi dan/atau bersesuaian.

Di wilayah Kota Setar yang menempatkan bandar Alor Setar, industri kewangan, industri, insuran hartanah dan perniagaan telah terus berkembang ($Kpi=2.21$) dan kepentingan industri pertanian, perhutanan dan perikanan semakin berkurangan ($Kpi=0.64$). Di wilayah Kuala Muda pula, industri pembuatan merupakan industri yang terpenting ($Kpi=1.69$).

Sebahagian besar pekerja profesional, teknikal, pentadbiran dan pengurusan bekerja di wilayah-wilayah yang telah maju (Kota Setar, Kuala Muda, Kulim, Kubang Pasu, Langkawi). Keadaan ini ada kaitannya dengan dengan tahap pelajaran dan pengalaman buruh. Di wilayah Kulim 87.1% daripada penduduknya pernah bersekolah manakala 86.7% di wilayah Kuala Muda dan 84.8% di wilayah Kota Setar berbanding dengan 78.1% di wilayah Sik dan 77.4% di wilayah Padang Terap (Jadual 16).

Penduduk yang terlibat sebagai pekerja pertanian, ternakan, perhutanan dan nelayan paling ramai di wilayah Padang Terap, Sik, Pendang, Yan dan Baling. Kebanyakan mereka yang berpelajaran dan berpengalaman telah berpindah ke wilayah yang telah maju dan yang tinggal di wilayah yang kurang maju kebanyakannya pekerja yang tidak mempunyai kemahiran industri. Di wilayah-wilayah ini juga masalah kemiskinan berlaku pada kadar yang agak besar (dari segi nisbah KIR dengan jumlah penduduk wilayah).

Industri pertanian, perhutanan dan perikanan masih lagi industri yang terpenting di wilayah-wilayah yang agak mundur seperti wilayah Baling, Sik, Yan, Padang Terap, Bandar Baharu dan Pendang. Sebahagian besar tenaga buruh masih lagi bergantung kepada industri ini. Keupayaan wilayah mengkhusus dalam lain-lain industri masih lagi rendah (berdasarkan KPi). Jika ada pun industri yang ditempatkan di kawasan kurang maju, ia merupakan

industri yang berteknologi rendah dan bersesuaian dengan persekitaran pekerja yang kurang berpelajaran atau berkemahiran.

Tiga wilayah yang terbesar di negeri Kedah, Sik, Baling dan Padang Terap mempunyai penduduk yang agak berselerak dan tidak memusat disuatu kawasan bandar. Tiada pekan di kawasan ini yang dapat ditakrifkan sebagai kawasan bandar kerana tidak mempunyai bilangan penduduk yang lebih dari 10,000 orang. Ketiadaan kawasan bandar di wilayah-wilayah ini akan melambatkan pembangunan kerana pekan-pekan kecil kurang mampu menjana aliran perdagangan/perniagaan antara bandar/wilayah.

Taburan penduduk dan aliran migrasi juga akan mempengaruhi ketakseimbangan ekonomi wilayah. Salah satu sebab kadar pertumbuhan penduduk yang rendah di Baling (0.8%), Yan (0.2%), Pendang (0.8%) dan Bandar Baharu (0.4%) disebabkan aliran migrasi keluar penduduk terutamanya yang berpendidikan/kemahiran dan bermodal. Keadaan ini mempunyai kaitan yang rapat dengan struktur ekonomi yang tradisional dan nilai ditambah yang rendah.

Dalam masa yang sama, migrasi keluar terutamanya pada tingkat umur 15-64 tahun akan meningkatkan nisbah tanggungan di wilayah yang ditinggalkan. Selain itu, migrasi keluar kaum lelaki yang lebih ramai dari kaum perempuan akan membesarkan nisbah jantina lelaki perempuan di sesebuah wilayah. Penumpuan penduduk yang tidak sama rata antara wilayah boleh menggambarkan keadaan pembangunan yang tidak seimbang antara wilayah.

Di semua wilayah di negeri Kedah bilangan penduduk perempuan lebih ramai dari penduduk lelaki kecuali di wilayah Langkawi. Di wilayah Langkawi penduduk lelaki lebih ramai dari penduduk perempuan kerana pada tahun banci dibuat (1991), industri perlancungan di Langkawi sedang pesat membangun dan permintaan terhadap pekerja binaan agak tinggi. Sebahagian besar penduduk (lelaki) terlibat sebagai pekerja binaan ($KPi=2.26$).

Migrasi yang berlaku dari kawasan pertanian ke kawasan perindustrian dan migrasi dari bandar-bandar kecil ke bandar-bandar yang besar menyebabkan kadar pertumbuhan penduduk di bandar-bandar yang kecil rendah. Kadar pertumbuhan penduduk di bandar Kulim dan Kuala Kedah hanyalah 0.4% dan 0.3% sahaja berbanding 8.5% di Sungai Petani dan 5.3% di Alor Setar.

Treand sebegini memperlihatkan proses perbandaran lebih tertumpu di bandar-bandar besar. Bandar-bandar yang bersaiz sederhana dan kecil hanya berkembang pada kadar yang perlahan, malah ada juga yang merosot, contohnya peratus pertumbuhan penduduk bandar Kulim telah merosot dari 3.9% kepada 0.4% pada tahun 1991.

Migrasi dari bandar-bandar kecil berlaku kerana penyerapan gunatenaga yang lembap di sektor pertanian di sekitar bandar-bandar tersebut dan kurangnya aktiviti perindustrian. Ia juga menunjukkan kegagalan pertumbuhan ekonomi di bandar-bandar yang agak besar mewujudkan kesan limpahan dan kurangnya rangkaian-rangkaian ekonomi antara bandar-bandar yang besar dengan bandar-bandar yang lain.

BIBLIOGRAFI

- Anuar Ali (1983). **Agglomerasi Perkilangan dan Perbandaran Di Semenanjung Malaysia: Satu Konflik Dengan Keperluan Mengurangkan Ketidakseimbangan Regional**. Kertas Kerja Seminar Perbandaran dan Pembangunan Negara, 24-25 Oktober, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 6-7,15,29.
- Bendavid, A. (1974). **Regional Economic Analysis for Practitioners**. An Introduction to Common Descriptive Methods. New York: Praeger Publisher.
- Fu-Chen Lo & Kamal Salih (1978). **Growth Poles and Regional Policy in Open Dualistic Economist: Wertern Theory and Asian Reality**. dl. Fu-Chen Lo & Kamal Salih (eds). Growth Pole Strategy and Regional Development Policies, Oxford: Pergamon Press, 243-269.
- Hashim Ismail (1996). **Pelan Tindakan Pembangunan Negeri Kedah**. Kertas Kerja Seminar Ekonomi Peringkat Kebangsaan 96, 11-12 Januari, Universiti Utara Malaysia, 2.
- Mohd.Yusof Kasim (1990). **Kemiskinan dan Pembangunan Bandar Selepas 1990**. Siri Kertas Penyelidikan, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, No.1, 5-9.
- Malaysia (1994). **Kedah Development Action Plan 1991-2000**. Volume 1. State Economic Planning Unit (SEPU), Kedah Darul Aman.
- _____ (1994). **Kedah Development Action Plan 1991-2000**. Project Identification Briefs (PIBs). Volume 2. State Economic Planning Unit (SEPU), Kedah Darul Aman.
- _____ (1991). **Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000**. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- _____ (1995). **Laporan Penduduk Negeri Kedah**. Jabatan Perangkaan Malaysia. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Meerman, J. (1979). **Public Expenditure in Malaysia: Who Benefits and Why**. Washington: Oxford University Press.

Osman Rani Hassan (1983). **Polisi Perindustrian dan Penglibatan Bumiputera.** dlm. Jaafar Muhamad & Abdul Shukor Ariffin (eds). Masalah dan Prospek Ekonomi Bumiputera. Bangi: Penerbitan UKM, 97-107.

Pryor, R.J. (1979). **Malaysia: Migration and Development; A Regional Synthesis.** dlm. R.J. Pryor (ed). Migration and Development in Southeast Asia: A Demographic Perspective. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 113.

000203932

PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYA KUALA LUMPUR